

Entri Dialek Melayu Brunei ke dalam Bahasa Bajau: Satu Catatan Awal

The Entries of Brunei Malay Dialect into Bajau Language: A Preliminary Notes

SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI

ABSTRAK

Bahasa Bajau merupakan salah satu bahasa yang dituturkan di Sabah. Ia merupakan bahasa yang menjadi medium interaksi dalam kalangan penutur bahasa Bajau di seluruh Sabah. Bahasa ini turut memperlihatkan variasi antara pantai barat dan timur Sabah. Meskipun terdapat dua variasi dalam bahasa ini namun, kedua-duanya masih tergolong dalam kategori rumpun keluarga bahasa Sama-Bajaw dalam rumpun bahasa Austronesia. Seperkara yang sangat ketara jelas membezakan antara bahasa Bajau di barat dan timur Sabah adalah entri daripada dialek Melayu Brunei. Didapati entri dialek Melayu Brunei itu menjadi sebahagian daripada leksikal dalam Bahasa Bajau di barat Sabah. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dan perbandingan dilakukan antara 100 entri bahasa Bajau yang dibandingkan dengan entri Kamus Melayu Brunei (1991). Kesemua leksikal berkenaan memaparkan maksud serupa dan kesemuanya masih digunakan dalam proses interaksi orang-orang Bajau di pantai barat Sabah. Meskipun demikian, didapati terdapat proses inovasi leksikal dan semantik yang berlaku dalam bahasa Bajau. Seyogia, diperlihatkan bahawa bahasa Bajau sememangnya menerima entri daripada dialek Melayu Brunei sama ada entri sepenuhnya atau diubah suai bergantung kepada konteks penggunaan leksikal berkenaan. Entri berkenaan sememangnya telah memperkayakan leksikal dalam bahasa Bajau dan secara tidak langsung menyebarkan penggunaan leksikal Melayu Brunei ke wilayah lain di Pulau Borneo.

Kata kunci: Dialek Melayu Brunei; bahasa Bajau; interaksi bahasa; leksikal; Sabah

ABSTRACT

Bajau language is one of the languages spoken in Sabah. It is the medium of interaction among Bajau speakers throughout Sabah. There are variations between the Bajau language spoken in the west coast and east coast of Sabah. However, both still belong to the Sama-Bajaw language family group of the Austronesian Language Phylum. One thing that clearly distinguishes between the west coast and east coast Bajau languages are the lexical entries from Brunei Malay dialect. Brunei Malay entries became part of the west coast Bajau lexical. This qualitative study shows a comparison between the 100 Bajaus entries and the Brunei Malay Dictionary (1991). All of the entries represent similar meanings which are still used in the interaction process among the west coast Sabah Bajau speakers. However, the entries also discovered several lexical and semantic innovation in the Bajau language. Therefore, the lexical list shows that the Malay Brunei entries are widely accepted by the Bajaus speakers despite some modification made in accordance to the lexical use context. The study concludes that such entries nevertheless enriched the Bajau lexical and indirectly has becoming the dissemination agents of the lexical use of Brunei Malay throughout the Borneo Island.

Keywords: Brunei Malay dialect; Bajau language; language interactions; lexical; Sabah

PENGENALAN

Sebelum abad ke-16, Brunei sudah wujud sebagai negara yang mempunyai organisasi masyarakat yang teratur dan lebih kompleks sifatnya daripada masyarakat pagan Borneo. Sistem politik, pentadbiran, ekonomi dan ketenteraannya sudah mencapai tahap yang tinggi. Dengan adanya hubungan dagang dengan negara China serta

lawatan saudagar-saudagar Arab-China dan Portugis ketika itu menambahkan kemakmuran kerajaan dan negara Brunei. Pemerian tentang kemakmuran dan keagungan Brunei pada awal abad ke-16 jelas digambarkan oleh Antonio Pigafetta, jurutulis pelayaran Magellan. Selain Pigafetta, sumber Portugis yang ditulis oleh Tome Pires dalam bukunya *Suma Oriental* ada menyebutkan tentang kegiatan perdagangan Brunei. Sumber

tersebut mengatakan bahawa terdapat beberapa pedagang Brunei berdagang di Melaka. Ada pula sesetengahnya tinggal di Melaka walaupun ketika itu Melaka diperintah oleh Portugis. Seperti yang tersebut dalam Silsilah Raja-Raja Brunei, Low (1980) menerangkan bahawa pada zaman Sultan Bolkiah (Nakhoda Ragam), Brunei begitu giat menjalankan dasar penaklukan dan berjaya menguasai pulau-pulau berhampiran dengan Borneo, Sambas, Kotaringin, Pontianak, Coti, Pasir, Baran, Tuli-Tuli, Banjar dan Bolongan; dan di Sulu, Balabac, Banggi, Balambangan, Mantanani dan barat laut Palawan.

Mukadimah awal berhubung dengan sejarah Kesultanan Melayu Brunei bermaksud untuk menjelaskan bahawa telah wujud pengaruh Brunei di kawasan Borneo sejak lama dahulu. Dengan demikian, secara tidak langsung pengaruh Pertuanan Melayu Brunei ke atas penduduk-penduduk di Borneo sehingga kini masih bersisa. Antaranya yang dapat diteliti adalah daripada aspek penggunaan bahasa. Sebagai sebuah kerajaan besar, pastilah dialek Melayu Brunei menjadi bahasa perhubungan antara pemerintah Brunei dengan kelompok-kelompok etnik di Borneo.

Salah satu daripada kelompok etnik yang menerima Pertuanan Melayu Brunei suatu ketika dahulu ialah etnik Bajau di Sabah. Meskipun umum mengetahui bahawa bahasa Bajau bukanlah tergolong ke dalam rumpun bahasa Melayu, tetapi terdapat satu hal yang menarik tentang bahasa ini, yakni terdapat unsur interaksi antara dialek Melayu Brunei dengan bahasa ini. Sehubungan itu, makalah ini diusahakan untuk melihat hubungan interaksi yang pernah wujud antara bahasa Bajau dengan dialek Melayu Brunei yang menyebabkan leksikal dialek Melayu Brunei masih banyak digunakan secara tegar dalam bahasa Bajau sehingga kini. Perbincangan dalam makalah ini hanya akan melibatkan satu huraian perbandingan kosa kata antara dialek Melayu Brunei dan bahasa Bajau. Memandangkan fokus perbincangan ini ialah perbandingan kosa kata dialek Melayu Brunei dengan bahasa Bajau, maka entri di dalam Kamus Bahasa Melayu Brunei (1991) dijadikan sumber perbandingan dengan senarai kata bahasa Bajau yang dituturkan di pantai barat Sabah sahaja khususnya bahasa Bajau yang dituturkan di daerah Kota Belud, Sabah.

LATAR KOMUNITI DIALEK MELAYU BRUNEI DAN BAJAU

Brunei merupakan pusat peradaban manusia pada zaman antara 500-1000 tahun yang lampau. Ini

terbukti dengan terdapatnya penemuan-penemuan lama seperti tembikar, mata wang lama dari China dan Brunei. Tambahan pula, pada zaman kegemilangan kemaharajaan Buddha Sriwijaya pada abad ke-8, Borneo Barat merupakan tempat persinggahan yang paling disukai ahli pelayaran dan pedagang dari India dan China. Apabila kemaharajaan Hindu-Jawa-Majapahit muncul pada abad ke-13, Borneo menerima pula pengaruh Majapahit (Sabihah et al. 2001)

Fakta-fakta sejarah sekurang-kurangnya telah dapat menunjukkan bahawa sejak abad ke-5 sudah wujud satu unit politik di sekitar Brunei. Wujudnya unit politik ini dapat ditegaskan lagi menerusi catatan daripada sumber bertulis China dalam hubungan dagang dengan negara-negara di Asia Tenggara dan sumber-sumber Eropah. Selain hubungan Brunei dengan China di bawah kerajaan Sultan Bolkiah, yakni pada abad ke-15, empayar Brunei diperluaskan sehingga kawasan di luar Pulau Borneo yang meliputi sebahagian pulau Filipina, iaitu Mindanao dan Sulu (Sabihah et al. 2001). Ketika tentera Diraja Sepanyol menegakkan kuasanya di Filipina pada kira-kira 1500, kerajaan Brunei menerima ufti daripada penduduk lembangan sungai Kapuas di barat Pulau Borneo, malah hingga ke Pulau Luzon di pelabuhan Manila (Collins 1993).

Brunei memperlihatkan jaringan linguistik yang kompleks sekali. Sekurang-kurangnya enam bahasa Austronesia dituturkan di Brunei. Bahasa tersebut ialah bahasa Belait, Tutong, Kedayan-Brunei, Murut, Bisaya-Dusun dan Iban (Nothofer 1991). Bahasa Melayu Brunei juga merujuk kepada dialek Melayu Brunei dan kedua-duanya adalah sinonim di Brunei Darussalam. Menurut Nothofer (1991), dialek Melayu Brunei yang dituturkan di Brunei Darussalam merangkumi bahasa Melayu standard, bahasa Melayu Brunei, dialek Kampung Ayer dan dialek Kedayan. Di daerah Brunei Muara, penutur yang paling dominan ialah penutur dialek Melayu Brunei dan dialek Melayu Kadayan. Pada dasarnya penutur dialek Melayu Brunei banyak ditemui di kawasan pinggir pantai dan di sepanjang sungai Brunei yang bermula dari kuala sungai Besar hingga ke hulu sungai Damuan. Di sepanjang sungai ini terdapat mukim yang didiami penutur dialek Melayu Brunei (Jaludin Chuchu 2003).

Orang Bajau pula merupakan suku kaum yang berselerakan di hampir seluruh rantau Nusantara. Bahawa mereka dapat ditemukan di kawasan barat Semenanjung Tanah Melayu (termasuk Tenasserim dan Kepulauan Mergui), daerah Laut China Selatan (termasuk Kepulauan Riau-Lingga, Pulau-pulau Tujuh, Pulau-pulau Bangka dan Belitung),

Indonesia Timur, Kepulauan Sulu dan Sabah (Sopher 1965) membuktikan bahawa suku kaum ini tersebar di pelbagai tempat berbeza dan terpisah berdasarkan kawasan geografi dan tradisi sekitaran yang mendukungi hidup mereka. Menurut catatan awal, orang-orang Bajau merupakan golongan nelayan yang mahir dan mereka mendiami kawasan pesisiran pantai di Sabah (Harrison 1973-74). Sebagai pendatang, mereka berusaha menguasai kawasan pantai, iaitu dengan memaksa penduduk asal kawasan pantai, yakni orang-orang Dusun dan Murut berpindah ke daerah-daerah Pedalaman. Catatan awal membuktikan bahawa orang-orang Bajau sememangnya gipsi laut dan pengembara yang sebahagian besar daripada hidupnya di laut, sebagai pelaut. Mereka dipercayai juga menjalankan urusan perdagangan dengan China semasa Dinasti Ming. Selain itu, mereka dikatakan telah memainkan peranan penting dalam kerajaan Kesultanan Brunei. Malah seorang sejarawan mengaitkan kemerosotan mendadak Kesultanan Brunei pada awal era moden dengan putusannya hubungan antara sekutuan kesultanan itu dengan orang Bajau di Borneo Utara (Leake 1989). Aktiviti perdagangan yang dikendalikan golongan pembesar Brunei lebih ketara pada abad ke-16 & ke-17 khususnya semasa pemerintahan Sultan Hasan. Pada abad ini, Brunei sudah mempunyai hubungan perdagangan dengan Melaka, Filipina, Jawa, Siam dan Kemboja (Sabihah et al. 2001). Malah Sultan Hasan turut memperkenalkan sistem percukaian perdagangan berdasarkan kaedah Islam. Pegawai yang ditugaskan mengutip cukai ini biasanya terdiri daripada orang Islam, walaupun tidak semestinya Melayu. Contohnya pemungut cukai di Borneo Utara diwakilkan kepada orang Islam Filipina yang bertugas mengawal perdagangan (Brown 1970). Berkemungkinan 'orang Islam Filipina' yang dirujuk oleh Brown itu adalah orang-orang Bajau, kerana mereka pernah menjadi pengawal-pengawal kepada kerajaan Brunei sewaktu zaman kegemilangan kerajaan Melayu Brunei.

Di Sabah, orang-orang Bajau menjadi kelompok etnik peribumi kedua terbesar yang mendominasi pola kependudukan negeri itu. Orang-orang Bajau boleh ditemui di sepanjang residensi pantai barat dan pantai timur Sabah. Mereka menumpu di daerah Kota Belud, Tuaran, Kota Kinabalu dan Papar, manakala di pantai timur pula di daerah Sempora, Sandakan dan Tawau. Keluarga bahasa Bajau yang dituturkan di Sabah pula dibahagikan kepada dua jenis, iaitu bahasa Bajau pantai barat Sabah dan

bahasa Bajau pantai timur Sabah. Dikatakan bahasa yang dituturkan di pantai timur Sabah mempunyai pertalian dengan dialek Samal selatan yang dituturkan di selatan Filipina (Miller 1981).

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dan perbandingan dilakukan antara 100 entri bahasa Bajau yang dibandingkan dengan entri Kamus Melayu Brunei (1991). Leksikal bagi kedua-dua bahasa ini dibandingkan dengan dua cara. Pertama, sumber entri daripada Kamus Bahasa Melayu Brunei (1991) di banding dengan leksikal bahasa Bajau. Kamus Bahasa Melayu Brunei dijadikan sebagai sumber perbandingan kerana ia merupakan bahan berwibawa untuk dirujuk sebagai mewakili bahasa berkenaan, dan ia juga merupakan sumber yang telah disahkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam sebagai rujukan utama di negara Brunei. Justeru, kamus itu adalah berpada dan bersesuaian sebagai bahan rujukan dan perbandingan utama untuk tujuan kajian ini. Dengan meneliti seluruh isi kandungan kamus berserta ertinya, maka disenaraikan leksikal yang mirip atau yang mempunyai persamaan dengan bahasa Bajau. Berasaskan senarai leksikal yang telah dikenal pasti itu maka perbandingan dilakukan. Kedua, leksikal-leksikal mirip bahasa Bajau yang terkandung di dalam kamus bahasa Melayu Brunei itu kemudiannya disahkan oleh informan-informan penutur bahasa Bajau yang berusia lanjut. Dengan maksud, informan-informan berkenaan mampu mengesahkan leksikal yang digunakan dalam interaksi harian mereka. Perbandingan dilakukan dengan melihat bentuk leksikal dan maksud yang didukung leksikal-leksikal berkenaan. Kajian ini melibatkan temu bual berfokus terhadap penutur-penutur bahasa Bajau di daerah Kota Belud, Sabah. Bahasa Bajau dari daerah Kota Belud dipilih sebagai daerah perbandingan kerana penutur-penutur bahasa ini masih mengekalkan banyak kosa kata asal dan klasik berbanding daerah lain di pantai barat Sabah yang telah banyak memasukkan kosa kata dialek Melayu Sabah sebagai gantian dengan bahasa Bajau dalam interaksi harian. Daripada seluruh leksikal yang terkandung dalam kamus berkenaan, didapati terdapat hanya 114 leksikal sahaja yang mempunyai persamaan dan kemiripan dengan bahasa Bajau. Oleh yang demikian, hanya 114 leksikal sahaja dijadikan sebagai bahan analisis.

INTERAKSI DIALEK MELAYU BRUNEI DENGAN BAHASA BAJAU

Pada abad ke-16, kerajaan Brunei berwibawa di sebahagian besar Pulau Borneo terutama di pesisiran pulau utara dari Sambas hingga ke Berau. Tambahan lagi, pada waktu orang Barat mula mengunjungi Bandar Brunei, ternyata masyarakatnya sangat majmuk. Baik Pigafetta (1906) mahupun penulis naskhah Boxer (Caroll 1982) memperkatakan hadirnya beberapa golongan etnik dalam masyarakat Brunei. Nescaya hal ini sangat sesuai dengan gambaran yang diperoleh mengenai kesultanan lain pada zaman yang sama. Misalnya Melaka (Andaya & Andaya 1982), Ternate (Andaya 1993) dan Patani (Teeuw & Wyatt 1970; Collins 1994a).

Dalam hubungannya dengan sosiolinguistik dan sejarah sosial bahasa Melayu, faktor kemajmukan ini sangat mustahak. Dapat diandaikan bahawa dua jenis kesan mungkin timbul daripada interaksi bahasa demikian, iaitu pengaruh dialek Brunei dalam bahasa-bahasa lain di Pulau Borneo serta pengaruh bahasa-bahasa Borneo lain di dalam dialek Brunei. Tidak jarang diandaikan bahawa dialek Brunei mempengaruhi bahasa-bahasa lain di pulau Borneo. Gejala ini dapat dilihat melalui tulisan Nothofer (1991); menurutnya kadar multilingualisme di Brunei sekarang sangat tinggi dan dialek Brunei berfungsi pada tahap supra-regional. Bahkan, Martin (1994) menyebutkan pengaruh dialek Brunei kini terhadap masyarakat yang berbahasa Belait; pengaruh itu begitu ketara sekali sehingga bahasa Belait rupanya sedang menghadapi kepunahan kerana digantikan oleh dialek Brunei, selain itu, dicatat juga bukti linguistik yang menunjukkan pengaruh dialek Brunei pada wilayah yang lebih luas. Contohnya, dialek Melayu yang berfungsi sebagai bahasa pergaulan antar etnik di Sabah masih berteraskan dialek Brunei (Collins 1990). Seperti yang dinyatakan, dialek Brunei telah banyak menyumbangkan perkataan kepada kosa kata bahasa-bahasa lain di Pulau Borneo. Jikalau kata-kata itu diselidiki, nescaya bentuk lama kata-kata itu dapat dikesan dan sejarah bahasa Melayu dapat berdiri atas asas yang lebih teguh. Sebaliknya, ada kemungkinan dialek Brunei pula telah dipengaruhi bahasa-bahasa lain di pulau Borneo. Memang hal itu juga amat lazim dalam konteks pertembungan dan interaksi bahasa (lihat Collins 1981).

Sehingga kini, sekurang-kurangnya telah ada catatan berhubung dengan keberhasilan pengkajian dialek Melayu Brunei. Malah, telah ada sekurang-

kurangnya Kamus Bahasa Melayu Brunei (1991) yang boleh dijadikan sumber rujukan tentang dialek Melayu Brunei. Sumber terhadap dialek Melayu Brunei dan catatan-catatan lain berhubung dengan dialek Melayu Brunei juga sudah semakin berkembang (rujuk antaranya Collins 1984; Nothofer 1991; dan Jaludin Chuchu 2003). Malah telah ada bibliografi dialek Melayu Brunei yang diusahakan oleh Collins (1990) yang turut memperkayakan penulisan tentang dialek Melayu Brunei.

Hal tersebut berlawanan sekali dengan bahasa Bajau. Sehingga kini belum terdapat sebarang kamus bahasa Bajau ataupun sebarang bibliografi yang mencatatkan tentang penulisan berhubung leksikal bahasa Bajau. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat perhatian terhadap bahasa Bajau oleh para pengkaji (rujuk misalnya Schneeberger 1937; Abd Ghani Bagul 1950; Sather 1965, 1968; Johari Alias 1973; Miller 1981; Asmah Hj. Omar 1980, 1983; Banker 1984; Verheijen Jillis 1986; Yeop Johari & Ismail Abbas 1986; Mirafuentes 1990; Nathesan 1994; Collins 1996; Saidatul Nornis 1992, 1997, 1998). Terdapat juga tulisan-tulisan lain tentang Bajau tetapi tulisan-tulisan tersebut lebih menekankan kepada aspek sosiobudaya masyarakat ini berbanding dengan aspek bahasanya. Namun yang jelas, belum ada sebarang penelitian mahupun catatan yang meneliti interaksi yang berlaku antara bahasa Bajau dengan dialek Melayu Brunei.

Eratnya Hubungan Pertuanan antara kelompok Bajau dengan Kesultanan Melayu Brunei sudah lama terbentuk. Hal ini dapat disahkan sebagaimana kenyataan berikut.

“...raja yang kedualapan di dalam Berunai. Maka manakala telah mangkat baginda Sultan Shah, naik kerajaan pula saudaranya yang bernama Sultan Hasan. Ialah raja yang kesembilan di dalam Berunai, dan ialah dinamai orang sampai sekarang, marhum di Tanjong, kerana ia mangkat kena makamkan di Tanjong Chendana, Kuala Berunai. Maka baginda inilah mena'lokkan sekalian negeri Bajau dan betara Suluk...”

(Sweeney 1998)

Petikan di atas dikutip masuk untuk memperlihatkan bahawa kelompok etnik Bajau telah mempunyai hubungan dengan Kesultanan Melayu Brunei sejak pemerintahan Sultan Hasan, iaitu Sultan kesembilan bagi Kesultanan tersebut. Dengan hubungan pertuanan seawal itu, tidak menghairankan jika telah wujud interaksi antara dialek Melayu Brunei dengan bahasa Bajau. Malah dalam memperkatakan sejarah dialek Melayu Brunei, kita perlu memberikan perhatian yang saksama kepada etimologi Melayu Brunei juga. Asal

usul kosa kata Brunei tidak akan terlepas daripada hubungan sejarah masyarakat Brunei dengan masyarakat Tagalog (Collins 1996c). Sebagaimana yang dijelaskan oleh Collins (1999) bahawa dialek Melayu Brunei turut perlu memeriksa bahasa-bahasa di Borneo dan Filipina (termasuk bahasa Bajau).

Menerusi penelitian awal Collins (1995) terhadap bahasa Bajau di Maluku (Bajo Sangkuang), beliau mendapati varian Bajau yang diselidiki itu menunjukkan persamaan dengan dialek Melayu Brunei dan varian-varian Borneo Timur. Mungkin dua varian itu memang mempunyai pertalian kekerabatan, seperti dialek Sambas dengan dialek Sarawak; atau mungkin juga persamaan itu disebabkan pengaruh antara dua varian, seperti dialek Sambas dengan dialek Brunei; atau mungkin juga disebabkan pengaruh dialek Brunei terhadap bahasa Bajo Sangkuang. Selain itu dapat diperhatikan juga wujud persamaan antara varian-varian Bajau di kawasan Nusantara. Perhatikan contoh daftar kata I di bawah.

*BAP	Erti	Bajau Semporna	Bajau Yakan	Bajo Sangkung ¹
*duwa	dua	ruwa	due	dua
*telu	tiga	tullu	tellu	tullu
*qitem	hitam	atom	item	lohoŋ
*qizaw	hijau	godduŋ	gadduŋ	nulo'
*mata	mata	mata	mata	mata
*paha	paha	pa'a	paa	paha
*dilaq	lidah	dalla'	della'	della'

(disesuaikan semula daripada Saidatul Nornis 1997)

DAFTAR KATA I. Persamaan Kosa Kata antara Varian Bajau di Nusantara

Contoh daftar kata I di atas memperlihatkan persamaan kosa kata dan makna bagi tiga bahasa Bajau yang dituturkan di dua wilayah berbeza, iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina. Memandangkan contoh leksikal tersebut amat terhad, maka persamaan itu bukanlah satu perkara yang pelik kerana bahasa-bahasa tersebut tergolong ke dalam rumpun bahasa Austronesia. Menurut Miller (1981), orang-orang Bajau di Sabah merupakan kumpulan yang berasal dari Filipina Selatan kerana bahasa mereka dikatakan mempunyai pertalian dengan dialek-dialek Sama selatan yang dituturkan di Filipina Selatan.

Bahasa-bahasa yang dituturkan di Asia Tenggara merupakan kumpulan bahasa yang berasal daripada kawasan sama yang dikenali sebagai

bahasa Austronesia Purba (Proto Austronesian language). Bahasa Austronesia Purba (*BAP) inilah yang menjadi sumber asal kepada beratus-ratus bahasa yang tersebar luas dan digunakan sekarang. Memandangkan kewujudan BAP adalah suatu yang bersifat teoretis, maka agak sukar untuk menyusun bahasa yang mempunyai 'keseasalan' yang sama serta struktur bahasa purba ini secara lengkap (Bynon 1979). Ringkasnya, teori ini meyakini bahawa manusia Austronesia atau Malayo-Polinesia itu telah berhijrah ke selatan China merentas Taiwan ke Asia Tenggara dan meneruskan perjalanan ke pulau-pulau di Pasifik selatan sehingga ke Madagaskar sejak 4000 tahun lalu (Bellwood 1997). Salah satu kumpulan masyarakat yang terlibat dalam penghijrah itu adalah penutur-penutur bahasa Melayu yang kemudiannya melahirkan banyak dialek. Terdapat pelbagai bahasa yang mempunyai ikatan yang dekat dengan bahasa Melayu antaranya bahasa Minangkabau, Kerinci, Iban dan Kendayan. Dialek-dialek dan bahasa-bahasa berkenaan bersama-sama membentuk subkumpulan linguistik Melayu (ik) dalam cabang Malayo-Polinesia (Barat) yang turut termasuk dalam rumpun Keluarga bahasa Austronesia (Adelaar 1992). Bahasa-bahasa Melayu (ik) mengandungi pelbagai bahasa serantau yang mampu membentuk subkumpulan genetik bahasa yang saling berkait. Kriteria rasmi untuk subkumpulan Melayu (ik) terdiri daripada set fonologi yang mengalami perubahan sejak Austronesia Purba yang telah pun dilalui oleh kebanyakan bahasa dalam kumpulan Melayu (ik) (cf., Adelaar 1992).

Variasi bahasa Melayu (ik) dituturkan di seluruh Indonesia, Malaysia, selatan Thailand, Brunei dan Singapura. Ia bukanlah suatu yang menghairankan kerana habitat tradisi penutur-penutur bahasa itu sememangnya berada di sekitar kawasan sekitar Laut China Selatan dan di Sumatera, Borneo Barat, Malaysia barat atau di semenanjung Malaysia. Setiap kawasan tersebut turut dicadangkan sebagai wilayah asal tanah Melayu (ik) [the original homeland of Malay(ic)]. Para pengkaji linguistik seperti Blust (1997), Adelaar (1992), Collins (1994), Nothofer (1975) cenderung menyetujui bahawa kawasan Borneo Barat sebagai tanah asal Melayu (ik), namun Adelaar (1992, 2004) & Blust (1997) turut membezakan antara Borneo Barat sebagai tanah asal daripada seluruh subkumpulan Melayik dan Sumatera selatan sebagai kesinambungan daripada bahasa dan tamadun Melayu (Adelaar 2004).

Seyogia, bahasa Melayu Purba bermula dengan satu bahasa atau beberapa bahasa yang berkaitan dengan bahasa-bahasa Austronesia sejak 2000 tahun lalu. Dyen (1965), Nothofer (1975) dan Adelaar (1985) merupakan antara pengkaji awal yang berusaha untuk merekonstruksi bahasa Melayik Purba. Unsur-unsur fonologi, vokal dan konsonan dijadikan sebagai data kajian untuk membandingkan varian-varian Melayu di pulau Borneo. Kesepadanan dilihat menerusi proses inovasi dan retensi yang berlaku pada setiap varian Melayu itu. Kaedah rekonstruksi Bahasa Melay(ik) Purba (BMP) oleh Adelaar (1985) dipilih kerana kesesuaiannya dengan aspek dialek Melayu, tambahan pula rekonstruksi Adelaar ini merupakan lanjutan rekonstruksi peringkat bahasa yang lebih tua, iaitu Bahasa Austronesia Purba (BAP), Bahasa Melayu-Polinesia Purba (BMPP), dan Bahasa Melayu-Javanik Purba (BMJP). Selain, dialek Melayu di Pulau Borneo ini banyak memiliki ciri-ciri inovasi bersama (lihat Adelaar 1992). Sejajar itu, Collins (1994) pula meyakini bahawa dialek Melayu Borneo membentuk satu subkumpulan bahasa tunggal, yakni penutur bahasa berkenaan telah terpisah ke cabang-cabang Sumatera/Semenanjung Melayu dan cabang Borneo. Cabang Borneo kemudiannya berkembang ke cabang Utara (termasuk Melayu Sambas dan pelbagai dialek Melayu Brunei) serta cabang Tenggara. Kumpulan kedua pula membentuk cabang Melayu Borneo selatan (dengan pelbagai dialek Melayu Banjar) dan Melayu Borneo timur (dianggotai Kutai dan Melayu Berau).

Ternyata wujud persamaan antara kosa kata Bajau yang dituturkan di tiga kawasan berbeza. Wujud persamaan inovasi antara bahasa Bajau Semporna dan Bajau Yakan dengan dialek Melayu Sambas, yakni berhubung dengan pemanjangan konsonan tengah. Misalnya kata [karra'] kera yang diturunkan daripada perkataan *kəra dalam bahasa Melayu Purba. Konsonan yang sudah diperpanjangkan (*r>[rr]) (Collins 1995). Manakala dalam bahasa Bajau Semporna [tullu] dan Bajau Yakan [tellu]. Leksikal /tiga/ yang diturunkan daripada BAP *telu turut memperlihatkan proses pemanjangan konsonan tengah, iaitu (*l>[ll]).

PERSAMAAN KOSA KATA DIALEK MELAYU BRUNEI DAN BAHASA BAJAU

Selama ini kita sering mengandaikan bahawa tiga wilayah di Pulau Borneo merupakan tiga kawasan yang saling terpisah sama ada daripada aspek

bahasa mahupun budayanya. Walhal, sebaliknya berlaku. Ketiga-tiga wilayah itu sudah lama saling berhubung sejak sekian lama. Pertalian tersebut diikat oleh satu ikatan pertuanan yang pernah wujud sejak lama dahulu, iaitu Pertuanan Brunei. Maka tidak terlalu ajaib jika wujud persamaan dialek atau bahasa antara penduduk-penduduk di ketiga-tiga wilayah ini. Sekadar memberikan satu gambaran ringkas, perhatikan daftar kata II di bawah.

Banjar	lamun	kalau
Berau	amun	kalau
Brunei	mun	kalau
Sarawak	mun	kalau
Bajau	amun	kalau
Banjar	lanji	pelacur
Berau	lanji	berperi laku yang mengarah kepada hal seksual
Brunei	lanji	berhubung dgn kelakuan perempuan yang tidak sopan
Sarawak	lanji	bernafsu
Bajau	lanji	suka bergaya & berhias untuk menarik perhatian lelaki
Banjar	lanjis	bersih
Berau	lanjis	pupus, betul-betul habis
Brunei	lanjis	habis (makanan, wang); bersih dan kemas
Sarawak	lanjis	habis; hilang tanpa bekas
Bajau	lanjis	tidak ada yang tinggal (makanan, duit dll)
Banjar	tumpi	kuih yang dibuat daripada sagu
Brunei	tumpi	sejenis kuih yang diperbuat daripada tepung, sagu dll
Sarawak	tumpi'	Sejenis kuih
Bajau	tumpe'	Sejenis kuih yang dibuat daripada ubi kayu
Berau	batapuk	bersembunyi
Brunei	betapuk	bersembunyi
Sarawak	betapuk	bersembunyi
Bajau	betapuk	bersembunyi
Berau	tut:uk	tumbuk
Sarawak	nutok	tumbuk
Bajau	tutuk	tumbuk

(diadaptasi & disesuaikan daripada Collins 1991)

DAFTAR KATA II. Persamaan Kosa Kata antara Varian-Varian Melayu dan Bahasa Bajau di Pulau Borneo

Daftar kata II di atas terdiri daripada empat dialek dan satu bahasa di Pulau Borneo, iaitu dialek Melayu Brunei, dialek Melayu Banjar, dialek Melayu Sarawak dan dialek Melayu Berau, serta bahasa Bajau. Sememangnya cukup ketara bahawa dialek-dialek di Pulau Borneo memperlihatkan perbezaan makna dengan dialek baku. Perbezaan makna ini dapat dianggap hanya sebagai tanda awal bahawa dialek-dialek Melayu di Pulau Borneo membentuk suatu kesatuan kerana makna yang berlainan dengan dialek baku. Makna antara dialek-dialek tersebut ternyata sama atau hampir sama. Sebenarnya persamaan ini belum terlalu kuat kerana belum ditentukan sama ada persamaan itu berpunca daripada perubahan bersama, yakni inovasi atau berpunca daripada kekalnya makna yang asli, yakni retensi (Collins 1991). Daftar kata II di atas sengaja ditunjuk untuk memberikan sedikit pandangan awal bahawa bahasa Bajau juga mempunyai perkaitan daripada segi leksikal dan semantik. Meskipun data sekecil itu tidak mampu membuktikan apa-apa, namun ia merupakan satu usaha awal untuk membuka penelitian lanjut terhadap perkaitan bahasa Bajau dengan varian Borneo timur.

Daftar kata III di bawah ini mengetengahkan beberapa persamaan kosa kata antara bahasa Bajau (BB) dengan dialek Melayu Brunei (DMB). Kesemua kosa kata tersebut tidak langsung dibandingkan dengan dialek baku (maksudnya dengan Kamus Dewan). Daftar kata III ditunjuk untuk memperlihatkan bahawa bahasa Bajau juga mempunyai hubungan khusus dengan dialek Melayu Brunei. Memandangkan bahasa Bajau tidak termasuk dalam kelompok dialek Melayu, maka hubungan yang wujud perlu diteliti dengan lebih lanjut.

DMB	anggus	menggigit sesuatu (buah dll)
BB	anggus	menggigit sesuatu (buah dll)
DMB	ampit	dapat (bahagian)
BB	ampit	dapat (bahagian)
DMB	basing	tupai
BB	basing	tupai
DMB	bangking	pijat
BB	bangking	pijat
DMB	gandum	jagung
BB	gandum	jagung

DMB	giuk	ulat
BB	giuk	ulat
DMB	kirai	kening
BB	kirai	kening
DMB	kalakati	kacip
BB	kelekati	kacip
DMB	indik	terajang
BB	indik	terajang
DMB	lantuh	hanyir
BB	lantuh	hanyir
DMB	libas	hilang keberkesanan
BB	libas	hilang keberkesanan
DMB	pantaran	bahagian luar rumah yang berlantai
BB	pantaran	bahagian luar rumah yang berlantai
DMB	rapus	tidak ada yang tertinggal
BB	rapus	tidak ada yang tertinggal
DMB	sapak	benda (seperti udang & ikan) yang menjadi campuran untuk masakan sayur
BB	sapak	benda (seperti udang & ikan) yang menjadi campuran untuk masakan sayur
DMB	sigup	rokok, tembakau
BB	sigup	rokok, tembakau
DMB	tagar	karat
BB	tagar	karat

DAFTAR KATA III. Persamaan Kosa Kata antara Bahasa Bajau (BB) dengan Dialek Melayu Brunei (DMB)

Contoh di atas sebenarnya bersifat sementara. Namun, jelas sekali dapat dilihat hubungan makna dan bentuk leksikal yang erat bagi pasangan kata tersebut. Meskipun diketahui bahawa bahasa Bajau bukan tergolong dalam dialek Melayu, namun hubungan erat yang dipaparkan melalui 16 pasangan kata itu mampu menyelongkar sedikit sebanyak persamaan antara dialek dan bahasa ini (lihat lampiran I).

Dalam tulisan Collins (1991b & 1994b), dinyatakan terdapat tiga inovasi khas Brunei dan seluruh Borneo Timur serta Bacan, iaitu (a)

pemindahan tekanan kepada suku kata praakhir; (b) pemanjangan konsonan tengah; dan (c) pemberatan vokal praakhir. Ternyata data yang dikutip daripada berbagai-bagai komuniti Bajau di Indonesia dan Filipina memperlihatkan ciri-ciri yang mirip kepada tiga inovasi fonologi yang diperkatakan (lihat Verheijen 1986; Pallesen 1979). Perhatikan juga contoh-contoh dalam daftar kata IV di bawah yang dipetik daripada Collins (1996a) dan Saidatul Nornis (1997).

	BS	BL	BD	DMB	Erti
*pedih	pidi	pidi'	pedi	padih	sakit
*ama	mma	amma'	ma'	bapa'	bapa
*dilaq	della'	dalla'	dela'	lidah	lidah
*kuku	kukku	kukku	keku	kuku	kuku
*laki	lilla	lalla	dela	laki-laki'	lelaki
*laki	lla	halla	la	laki'	suami
*qatelur	antillo	entollo	entelo	talur	telur
*quDip	ulluj	alum	lum	idup	hidup
*siaq	i:a	ayya'	ya'	malu	malu
*teka	tikka	takka	teko	dataŋ	datang
*tawa	titowa	tettowa	tito	tatawa'	Ketawa

DAFTAR KATA IV. Perbandingan Kosa Kata antara Bahasa Bajau dengan Dialek Melayu Brunei

Ciri-ciri inovasi yang disebut sebelumnya mungkin hanya benar bagi bahasa Bajo Sangkung (BS) dan bahasa Bajau Semporna (BS) yang dituturkan di kawasan pantai timur Sabah, tetapi tidak bagi bahasa Bajau Darat (BD) yang dituturkan di kawasan pantai barat Sabah.

Pemanjangan konsonan tengah sememangnya berlaku dalam Bajo Sangkuang dan Bajau Laut sebagai proses inovasi tetapi tidak pada bahasa Bajau Darat. Misalnya perkataan Bajau Darat [ma'] tetapi bagi Bajo Sangkuang [mma] dan Bajau Laut [amma']. Perkataan itu diturunkan daripada bahasa Melayu Purba *ama memperlihatkan tekanan pada suku kata akhir. Konsonan yang dipanjangkan (*m >[mm]). Contoh lain yang turut boleh dilihat ialah kata yang diturunkan daripada bahasa Melayu Purba *dilaq bagi Bajau Darat [dela'], Bajau Laut [dalla'] dan Bajo Sangkuang [della']. Sekali lagi kita dapat melihat pemanjangan konsonan (*l>[ll]) pada Bajo Sangkuang dan Bajau Laut. Selain itu, tekanan pada suku kata praakhir *dilaq turut berlaku tetapi terdapat sedikit kelainan terhadap perubahan vokal, iaitu (*i>[e] dan {a}). Perubahan ini mungkin disebabkan berlakunya proses penyesuaian dengan vokal dalam suku kata akhir.

Memandangkan ketiga-tiga bahasa Bajau bukanlah satu varian Melayu, baik daripada segi

kosa katanya mahupun perubahan bunyi yang telah terjadi dalam bahasa itu. Walaupun bahasa Bajau tidak mempunyai hubungan kerabat yang erat dengan bahasa Melayu, ternyata bahawa bahasa Bajau di seluruh Nusantara, yakni di Malaysia, Indonesia dan Filipina pernah dipengaruhi oleh varian Melayu di Pulau Borneo. Pengaruh ini bererti bahawa pada suatu ketika beratus-ratus tahun lalu bahasa Bajau pun disebarkan dari Pulau Borneo hingga bahasa itu kini terdapat di seluruh Nusantara Timur (Collins 1995).

INOVASI SEMANTIK ANTARA DIALEK MELAYU BRUNEI-BAHASA BAJAU

Sebenarnya perbezaan makna juga boleh wujud antara kosa kata yang sama. Hal tersebut juga boleh diteliti dalam dialek Melayu Brunei dengan bahasa Bajau. Perhatikan daftar kata V di bawah

DMB	ambau	melaung
BB	ambau	memperbetulkan posisi duduk/baring
DMB	aruk	menjolok
BB	aruk	cucuk
DMB	angkat	menghidangi
BB	angkat	perbuatan mengangkat
DMB	lantung	lama menunggu, tidak laris
BB	lantung	terapung-apung untuk benda
DMB	langau	lalat besar berwarna hijau
BB	langau	lalat besar berwarna hijau
DMB	pakau	telinga pada seluat dll (tempat memasukkan tali pinggang).
BB	pakau	permainan daun terup
DMB	rabuk	keadaan benda yang sudah reput
BB	rabuk	corak yang tidak jelas
DMB	tampung	menyampuk(percakapan)
BB	tampung	menjawab

DAFTAR KATA V. Perbezaan Makna antara Dialek Melayu Brunei dengan Bahasa Bajau

Sekali lagi perubahan makna bagi daftar kosa kata V itu tidak dibandingkan dengan dialek baku. Perbezaan makna ini mungkin disebabkan perbezaan sosiobudaya yang melatari kehidupan kedua-dua masyarakat ini.

INOVASI LEKSIKAL DIALEK MELAYU BRUNEI-BAHASA BAJAU

Untuk melihat interaksi antara varian bahasa Bajau dan dialek Melayu Brunei, perhatian yang saksama perlu diberikan kepada persamaan leksikal dan fenomena linguistik yang berlaku di Pulau Borneo. Bahkan dialek Melayu Sabah juga perlu dilihat sama untuk menentukan persamaan yang wujud antara ketiga-tiga varian ini. Daftar kata VI berikut cuba memperlihatkan wujudnya perubahan daripada segi leksikal.

	DMB	BB	
*m/u(n)tah	mutah	uta'	muntah
*ludah	ludah	ruda'	ludah
*kunyah	papak	papa'	kunyah
*inum	minum	inum	minum
*kaki	batis	betis	kaki
*kamah	kamah	kama	kotor
*tanəm	tanam	tonom	tanam
*pilih	pilih	pene'	pilih
*təbəl	tabal	kapal	tebal
*bənəy	banar	bana	benar
*tahun	tahun	taun	tahun
*	kalakati	kelekati	kacip
*	taranai	terenai	duduk diam
*	langis	lengis	habis

DAFTAR KATA VI. Inovasi leksikal antara Dialek Melayu Brunei dan Bahasa Bajau

Berasaskan beberapa contoh daripada daftar kata VI di atas dapat diperhatikan wujud inovasi leksikal yang berlaku antara dialek Melayu Brunei dan bahasa Bajau.

Kebanyakan dialek Melayu menunjukkan penyatuan *ə dan *a. misalnya dialek Melayu Banjar, dialek Melayu Berau dan dialek Melayu Kutai. Walau bagaimanapun, bahasa Bajau masih mengekal BMP *ə dalam beberapa perkataan seperti [betis], [kelekati], [lengis], [terenai] sedangkan dialek Melayu Brunei pula sebaliknya [batis], [kalakati], [langis], [taranai]. Malah *i dalam BMP mungkin juga telah berpecah menjadi /e/. Misalnya *pilih menjadi [pene?] dalam bahasa Bajau. Perubahan penyatuan BMP *ə dengan BMP *a ini sangat penting dalam usaha pengelasan dialek Melayu di Pulau Borneo. Misalnya dalam dialek Melayu di Sambas, Kalimantan Barat juga berlaku fenomena penyatuan vokal purba *ə dan *a menjadi /a/. Ternyata dalam semua dialek Melayu di Pulau Borneo penyatuan vokal purba *ə dan *a ialah ciri

yang sangat penting dalam usaha mengelaskan dialek Melayu di Pulau Borneo (Jaludin Chuchu 2003). Sudah lama diketahui bahawa baik dialek Melayu Brunei mahupun dialek Melayu Banjar misalnya, telah mengalami penyatuan vokal tengah sehingga sejumlah fonem vokal dalam kedua-dua dialek itu menyusut menjadi tiga sahaja. Misalnya dalam dialek Brunei vokal *ə dalam bahasa Melayu Purba berubah menjadi /a/. sebagai hasil perubahan ini *a dan *ə dalam bahasa Melayu Purba kini bersatu menjadi /a/ dalam dialek Brunei, antara lain timbullah pasangan seperti [gali] 'geli' dan [gali] 'menggali'. Perubahan ini merupakan inovasi dalam tata bunyi dialek Melayu Brunei (Collins 1995).

Selain itu, kelihatan juga perubahan BAP *h menjadi *' atau Ø, seperti kata *ludah menjadi [ludah] dalam dialek Melayu Brunei tetapi menjadi [ruda?] dalam bahasa Bajau dan *kamah menjadi [kamah] dalam dialek Melayu Brunei dan [kama] dalam bahasa Bajau atau kata *pilih menjadi [pilih] dalam dialek Melayu Brunei dan [pene'] dalam bahasa Bajau. Hal tersebut memperlihatkan berlakunya proses perubahan *h menjadi *' atau Ø dalam bahasa Bajau. *h juga digugurkan di tengah kata dalam bahasa Bajau. Misalnya kata *tahun menjadi [taun], sebaliknya dalam dialek Melayu Brunei *h dikekalkan. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa retensi *h tidak berlaku dalam bahasa Bajau dan sebaliknya bagi dialek Melayu Brunei. Perubahan ini merupakan inovasi dalam bahasa Bajau.

Bahasa Bajau juga menunjukkan variasi alofonik pada suku kata tertutup (KVKVK) yang mematuhi rumus perubahan bersyarat. Contohnya /a/ menjadi /o/ seperti kata *tanəm menjadi [tonom] dalam bahasa Bajau tetapi keadaan itu bersifat kadang kala sahaja dan tidak berlaku pada semua kata.

KESIMPULAN

Aktiviti-aktiviti memperluaskan kuasa dan penaklukan Brunei di luar dari negeri Brunei sendiri sejak abad ke-15 telah dilancarkan oleh Sultan Bolakiah, sultan yang kelima yang secara tidak langsung telah memperluaskan pengaruh dan jajahan takluk Brunei hingga ke kepulauan Filipina. Nama baginda telah menjadi terkenal hampir ke seluruh Pulau Borneo dan Filipina dengan gelaran Nakhoda Ragam. Gelaran dan nama Nakhoda Ragam ini turut disebut dalam cerita legenda dan mitos kelompok Bajau. Nakhoda Ragam dikatakan sebagai ketua orang Bajau dan begitu dikagumi keberaniannya. Berkemungkinan Nakhoda Ragam

yang dimaksudkan adalah Sultan Bolckiah dari Brunei. Sekiranya rujukan tersebut benar, hal ini tidak menghairankan kerana kelompok Bajau sendiri pernah berada di bawah kuasa Pertuanan Melayu Brunei suatu ketika dahulu. Penglibatan golongan atasan (raja) ini dalam kegiatan perdagangan telah mendorong meluasnya perkembangan perdagangan tradisi pada peringkat awal. Contoh jelas ialah apabila Sultan Bolckiah sendiri yang juga sebagai nakhoda mengendalikan kapal baginda semasa menyusur pantai Borneo hingga ke Filipina.

Lawatan dan laporan yang ditulis oleh Antonio Pigafetta ke Brunei pada tahun 1521 telah mengukuhkan dakwaan tentang kemakmuran dan kemewahan Brunei. Keadaan sedemikian secara tidak langsung turut sama mengukuhkan andaian bahawa bahasa Melayu Brunei telah menjadi bahasa perhubungan antara bangsa-bangsa yang datang berdagang ke negara itu. Secara tidak langsung, interaksi menggunakan dialek Melayu Brunei telah tersebar luas ke seluruh Nusantara. Demikian halnya dengan masyarakat Bajau. Menerima pertuanan dan pernah terlibat sebagai 'pekerja' kepada pemerintah Brunei, bermakna secara tidak langsung dialek Melayu Brunei telah menjadi bahasa perhubungan antara 'pekerja' ini dengan pemerintahnya, dan sekali gus pengaruh itu berterusan sehingga hari ini. Terbukti dalam bahasa Bajau masih bersisa peninggalan hasil interaksi yang pernah tegar suatu ketika dahulu.

Leksikal-leksikal masukan daripada dialek Melayu Brunei masih tegar digunakan sehingga kini sebagai sebahagian daripada bahasa Bajau yang dituturkan di daerah Kota Belud, Sabah. Masukan yang sedemikian banyak itu memperlihatkan penyebaran leksikal-leksikal Melayu Brunei ke wilayah-wilayah yang pernah menerima pertuanan kesultanan itu suatu ketika dahulu, dan ia meninggalkan bekas dalam bentuk jaringan leksikal.

RUJUKAN

- Abd. Ghani Bagul. 1950. Notes on The Bajau Language. *Sarawak Museum Journal* 5(2) new series), (No.17, old series). Sept 50: 196-200.
- Adelaar, K. A. 1985. Proto-Malayic; The reconstruction of its phonology and parts of its morphology and lexicon. PhD thesis. Leiden University.
- Adelaar, K. A. 2004. Where does Malay come from? Twenty years of discussions about homeland, migrations and classifications. In. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 160(1): 1-30.
- Adelaar, K. A. 1992. *Proto-Malayic; The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology*. Pacific Linguistics, Series C, 119. Canberra: Australian National University.
- Andaya, B. W. & Andaya, L. 1982. *A History of Malaysia*. London: Macmillan Education Ltd.
- Andaya, L. 1993. *The World of Maluku: Eastern Indonesia in The Early Modern Period*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Asmah Omar. 1980. The Bajau Darat Language. *The Brunei Museum Journal* 4(4): 11-28.
- Asmah Omar. 1983. *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Banker, J. E. 1984. The Kadazan/Dusun Language. Dlm. *Languages of Sabah: A Survey Report*, disunting oleh J. W. King, & J. K. King, 297-324. Canberra: The Australian National University.
- Bellwood, P. 1997. *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago* (revised edition). Honolulu, Hawaii: University of Hawaii Press.
- Blust, R. A. 1997. Nasals and nasalisation in Borneo. *Oceanic Linguistics* 36:149-179.
- Brown, D. E. 1970. *The Structure and History of a Borneo Malay Sultanate*. Brunei: Star Press.
- Bynon, T. 1979. *Historical Linguistics*. London: Cambridge University Press.
- Carroll, J. S. 1982. Berunai in the Boxer Codex. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 55(2): 1-25.
- Collins, J. T. 1981. Ilmu linguistik sejarah: asas, kaedah dan hasilnya. *Dewan Bahasa* 25(10): 5-24.
- Collins, J. T. 1984. Dialek Melayu Brunei: Catatan bibliografi dialek Brunei. *Dewan Bahasa* 25(10): 5-24.
- Collins, J. T. 1990. *Bibliografi Dialek Melayu di Pulau Borneo*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Collins, J. T. 1991. Rangkaian dialek Melayu di Pulau Borneo. *Dewan Bahasa* 35(8): 687-696.
- Collins, J. T. 1991b. Bahasa Melayu di Sungai Mahakam: Siasatan fonologi dialek Kutai. *Sari* 10: 3-24.
- Collins, J. T. 1993. Tamadun Melayu dan dialektologi. *Dewan Bahasa* 37(1): 4-5.
- Collins, J. T. 1994. Sumbangan dialek Brunei dalam pengkajian sejarah Bahasa Melayu: Menyusun strategi penelitian senusantara. *Dewan Bahasa* 38(7): 580-592.
- Collins, J. T. 1994a. Preliminary notes on Berau Malay. Dlm. *Shifting Patterns of Language Use in Borneo*, disunting oleh Peter Martin, 297-333. Williamsburg (Virginia): Borneo Research Council.
- Collins, J. T. 1994b. Dialek Melayu di Pulau Kalimantan dan Bahasa Bacan: Misanan atau Mindoan? Kertas Kerja yang dibentangkan di Sewindu PELLBA. Jakarta. 26-27 Sept 1994.
- Collins, J. T. 1995. Pulau Borneo sebagai titik tolak pengkajian sejarah Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 39(10): 868-878.
- Collins, J. T. 1996a. Bahasa Bajo Sangkuang: Laporan awal. *Dewan Bahasa* 40(1): 4-24.
- Collins, J. T. 1996b. Dunia Melayu dan dialek Melayu: Wilayah Laut China Barat Daya. *Dewan Bahasa* 29(12): 895-907.
- Collins, J. T. 1996c. The Brunei Sultanate and The Eastern Archipelago: The Nature of The Linguistic Evidence. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Brunei di Nusantara*. Jilid I. Hlm:140-60. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Hj. Hassanal Bolckiah & Akademi Pengajian Brunei.
- Collins, J. T. 1999. Pengkajian Bahasa Melayu Brunei: Tinjauan kemajuan. *Dewan Bahasa* 43(3): 253-261.
- Dyen, I. 1965. A lexicostatistical classification of the Austronesian languages. *International Journal of American Linguistics*, Memoir 19. Baltimore MD: Waverly Press.
- Harrison, T. 1973-1974. The Bajaus: Their origins and wide importance. *Sabah Society Journal* VI: 38-41.

- Jaludin Chuchu. 2003. *Dialek Melayu Brunei dalam Salasilah Bahasa Melayu Purba*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johari Alias. 1973. *Bahasa Bajau: Suatu Perbandingan dengan Bahasa Indonesia/Malaysia dan Bahasa Jawa*. Indonesia: Universitas Nasional Indonesia.
- Kamus Bahasa Melayu Brunei*. 1991. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Leake, D. 1989. *Brunei: The Modern Southeast Asian Islamic Sultanate*. Jefferson: McFarland & Company.
- Low, H. 1980. Silsilah (Book of the Descent) of The Rajs of Brunei. *Journal of The Straits Branch Royal Asiatic Society* 5: 1-35.
- Martin, P. W. 1994. Perubahan ekologi bahasa di Borneo Utara: Peranan Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 38(4): 311-319.
- Miller Carolyn. P. 1981-1982. A Brief Look at The Languages and Dialect of Sabah. *Sabah Society Journal* 7: 53-64.
- Mirafuentes, E. M. 1990. A Contrastive Analysis of The Phonemes and Verb Morphology of Central Sinama and Bajau Darat. MA Thesis. University of Philippines.
- Nathesan, S. 1994. Kata bilangan dalam Bahasa Bajau di Sabah: Satu tinjauan. *Dewan Bahasa* 38(5): 433-442.
- Nothofer, B. 1975. The reconstruction of Proto-Malayo-Javanic. KITLV, *Verhandelungen* 73. The Hague: Nijhoff.
- Nothofer, B. 1991. The languages of Brunei Darussalam. *Austronesian Linguistics* 1: 151-176.
- Pallesen, A. K. 1979. The Pepet in Sama-Bajaw. *Pacific Linguistics* C-45: 114-142.
- Pigafetta, A. 1906. *Magellan's Voyage around the World*. 2 Volumes. Cleveland: Arthur H. Clark Company.
- Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah & Sabullah Hj. Haki. 2001. *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Saidatul Nornis Haji Mahali. 1992. Fonologi Bahasa Bajau: Satu Kajian Preliminari. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 1997. Korpus Bahasa Bajau: Satu Perbandingan Awal. *Dewan Bahasa* 41(2): 142-155.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 1998. Rantaian Bahasa Bajau Nusantara: Satu Tinjauan Leksikal. *Dewan Bahasa* 42(2): 158-166.
- Sather, C. A. 1968. Some Notes Concerning Bajau Laut Phonology and Grammar. *Sabah Society Journal* III(4): 205.
- Sather, C. A. 1965. Bajau Number and Adjectives of Quantity. *Sabah Society Journal* 2: 194-197.
- Schneeberger, W.F. 1937. A Short Vocabulary of The Banggi and Bajau Languages. *Journal of The Straits Branch Royal Asiatic Society* 15(3): 145-164.
- Sopher, E. David. 1965. *The Sea Nomads: a study based on the Literature of the Maritime Boat People of Southeast Asia*. Singapore: The National Museum.
- Sweeney, A. 1998. Silsilah Raja-Raja Berunai. *The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 18: 46-127.
- Teeuw, A & D. Wyatt. 1970. *Hikayat Patani: The Story of Patani*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Verheijen, Jillis, A.J. 1986. The Sama/Bajau Language in the Lesser Sunda Islands. *Pacific Linguistic*, Series D - No.70. The Australian National University.
- Yeop Johari Yaakob & Ismail Abbas. 1988. Masyarakat Bajau: Tinjauan Sepintas lalu terhadap Masyarakat dan Kos Kata. *Jurnal Dewan Bahasa* 32(1): 39-44.

Saidatul Nornis Hj. Mahali,
Pusat Penataran Ilmu & Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
E-mail: saidatul@ums.edu.my

Diserahkan: 03 Februari 2020
Diterima: 30 April 2020

LAMPIRAN

LAMPIRAN I. Perbandingan Kos Kata Dialek Melayu Brunei-Bahasa Bajau

DMB	makna	BB	Makna
alun-alun	jalan kecil	alun-alun	jalan raya/kecil
ambau	melaung	ambau	menaikkan kedudukan sama ada pada posisi duduk atau baring.
ampai-ampai	terbentang & mudah dilihat	ampai-ampai	terbentang & mudah dilihat
ampap	ikan yang dimasak sehingga kering kuahnya	ampap	ikan yang dimasak sehingga kering kuahnya
ampit	dapat(bahagian)	ampit	dapat(bahagian)
amparan	sesuatu yang dihampar	ampar	meletakkan sesuatu
ampus	penyakit sesak nafas, asma	ampus	lelah/asma
andang	sememangnya	andang-andang	sememangnya
anggus	menggigit sesuatu(buah dll)	anggus	menggigit sesuatu(buah dll)
angkat	menghidangi	angkat	angkat

bersambung ...

... sambungan

anit	mengopak kulit ari daun nipah	lanit	Mengopak kulit (kayu, binatang)
antak	hentak	antak	hentak
arap	harap	arap	harap
arap	memotong (bawang, daging)	arap	hiris
aruk	menjolak	aruk	cucuk
asak	makan (bahasa kasar)	asak	makan tanpa memilih jenis makanan
asi	sah, benar, betul	asi	sah
ayas	melakukan sesuatu dengan cepat	ayas	menyiapkan kerja dlm keadaan kelim kabut.
babau	bisu	babau	bisu
babu	panggilan utk perempuan yang agak tua	babu	makcik, panggilan utk perempuan yang agak tua
bahang	azan	baang	azan
bakulan	sejenis ikan laut	bakulan	sejenis ikan laut
balanak	sejenis ikan laut	balanak	sejenis ikan laut
bangkar	beberapa batang buluh yg diikat berangkai yang terapung di air.	bangkar	rakit
bangkutut	udang	bangkutut	sejenis udang air tawar
bari	sejenis serangga	bari-bari	sejenis serangga
basing	tupai	basing	tupai
bangking	pijat	bangking	pijat
bubuk	sejenis udang	bubuk	sejenis udang kecil
bujak	lembing	bujak	lembing
didip	menyalakan korek api dgn menggores	pendidip	pemetik api (jenis kotak mancis kayu)
gadung	hijau	gadung	hijau
galang	cacing	galang-galang	cacing
gandang	gendang	gandang	gendang
gandum	jagung	gandum	jagung
garigatan	rasa gembira yg berlebihan terhadap kanak-kanak yg menarik perhatian	gerigitan	geram
giuk	ulat	giuk	ulat
indik	terajang	indik	terajang
kakai	mencakar	kakai	cakar
kakap	berjalan-jalan/bertandang pd waktu malam tanpa tujuan tertentu.	kakap	berjalan secara teraba-raba kerana gelap; atau berjalan dalam air secara meramas
kalakati	kacip	kelekati	kacip
kirai i	kening	kirai	kening
kirai ii	daun nipah yang dikeringkan utk dijadikan penggulung tembakau.	kirai	daun nipah yang dikeringkan untuk dijadikan penggulung tembakau.
kukur	parutan	kukur	perbuatan mencukur rambut
		kukuran	parutan
kulimpapa	sejenis tumbuhan	kulimpopo	sejenis tumbuhan (pokok-yang boleh dijadikan papan alas pemotong daging)

bersambung ...

... sambungan

kunau	sejenis kerang laut	kunau	sejenis kerang laut-mempunyai cangkerang yang putih dan licin
lamiding	sejenis tumbuhan	lembiding	sejenis tumbuhan-paku pakis
landung	tenang, teduh	landung	teduh
langau	lalat besar yg berwarna hijau	langau	mabuk-minuman
		langau	lalat besar yg berwarna hijau
lagas	bersih dan licin(rambut yg dicukur)	lagas	kawasan (di kepala yg dicukur hingga licin)
langgiruh	sejenis tumbuhan	lenggiru?	sejenis tumbuhan
langoi	memandang ke atas	langui	memandang ke atas
langis	tidak ada yg tinggal (makanan, duit dll)	lengis	tidak ada yg tinggal (makanan, duit dll)
lantuh	hanyir	lantuh	hanyir
lanjang	bekas yg diperbuat drpd tembaga dll yg digunakan utk memasak.	lanjang	periuk-bekas untuk memasak nasi
lanji	kelakuan(perempuan) yang tidak sopan.	lanji	perempuan yg suka menghias diri & bergaya utk menarik perhatian lelaki
lantung	lama menunggu; tidak laris; perempuan yg lambat mendapat jodoh.	lantung	terapung-apung-utk benda
lasak	botak sama sekali	lasak	rambut yg tidak akan tumbuh lagi
libas	hilang keberkesanan (sesuatu ubat, tangkal).	libas	hilang rasa utk makanan, ubat dsb
liking	ikan yg diisi dgn ramuan(asa, garam)sama ada melalui lubang insang atau bhg belakang yg dibelah & dijemur.	liking	ikan kering yg diperam semalaman(utk menjadikannya buruk) kemudian dikeringkan.
limpang	berbaring	limpang	berbaring
liun	berkeliling	liun	keliling
marung	masam(muka) kerana marah	nemparung	masam(muka) kerana marah
matah	belum masak, mentah	mata?	belum masak, mentah-utk buah
mudapun	sejenis alat perhiasan pengantin perempuan yg dipakai di dada.	andapun	sejenis alat perhiasan pengantin perempuan yg dipakai di dada.
mun	jika, kalau	amun	jika, kalau
muras	gurau senda atau perbuatan yg berlebihan yg dipercayai boleh mendatangkan petaka.	muras	gurau senda atau perbuatan yg berlebihan yg dipercayai boleh mendatangkan petaka.
pabarahan	tempat bara api utk membakar kemenyan.	peberon	tempat bara api utk membakar kemenyan.
pais	sejenis kuih basah	pais	sejenis kuih basah-daripada jagung, pisang, ubi dsb
pajak	membeli secara keseluruhan, memborong	pajak	borong
pakau	telinga pd seluar dll(tempat memasukkan tali pinggang).	pakau	permainan daun terup
palit	mencalitkan(menyapukan) sesuatu	palit	perbuatan menyapu sesuatu.
palo	sukar mengerti, bodoh	palui	bodoh
pantaran	bahagian luar rumah yg berlantai (biasanya tidak beratap).	pantaran	bahagian luar rumah yg berlantai
payau	rusa	payau	rusa

bersambung ...

... sambungan

payuk	mengikat (semua tangan & kaki) manusia atau (semua kaki) binatang supaya tidak boleh bergerak.	payuk	perbuatan mengikat keempat-empat kaki binatang (bagi haiwan yg berkaki empat sahaja)
penyaram	sejenis kuih	penyaram	sejenis kuih
puputan	dapur yg mempunyai pompa angin utk menyalakan api yg digunakan dlm pertukangan logam.	puputan	dapur yg mempunyai pompa angin utk menyalakan api yg digunakan dlm pertukangan logam dan besi
rabuk	keadaan benda yg sudah reput	rabuk	corak yg tidak jelas
rapus	tidak ada yang tertinggal	rapus	habis-contohnya menyapu keseluruhan kawasan yg dikehendaki
ringkat	bekas yg bertingkat-tingkat tempat menaruh makanan	ringkat	bekas yg bertingkat-tingkat tempat menyimpan makanan
ringsak	bunyi(ketawa, tangisan dll) yg penuh sesak.	rinsak	riuh dengan gelak ketawa
ruah	membongkar, menyelongkar	ruah	menyelongkar
rungkup	mengambil secara kekerasan dgn tangan atau mulut.	rungkup	menangkap dengan menggunakan tangan secara kasar
sadak	kesedakan	kesedakan	kesedakan
sapak	benda (spt udang & ikan) yg menjadi campuran utk masakan sayur.	sapak	benda (spt udang & ikan) yg menjadi campuran utk masakan sayur.
sarakat	menguar-nguar nasi yg sedang mendidih.	sarakat	perbuatan melonggar-longgarkan nasi yg mentah ke atas & ke bawah
saraung	alat untuk menutup kepala.	saraung/saduk	alat untuk menutup kepala.
siar	sejenis udang kecil	siar	sejenis udang kecil
sigup	tembakau, rokok	sigup	rokok, tembakau
sintak	menarik dgn pantas(parang, keris dll).	sintak	menarik dgn cepat. Contohnya menarik pancing apabila mata pancing dimakan ikan atau mencabut senjata daripada sarungnya
subuk	melihat melalui lubang atau celah-celah(daun, tabir dll)	subuk	intai
sumpak	pecah sedikit tepinya (pinggan, hulu keris, teko dll).	sumpak	sejenis alat penangkap ikan air tawar yg diperbuat daripada buluh
		sumpak	pecah sedikit tepinya-pinggan, teko, sarung parang, seruling bamboo dll
sungkai	berbuka puasa	sungkai	berbuka puasa
susuran	terpacak duri & patahannya tinggal dlm isi (daging).	susuran	tercucuk duri atau kayu & patahannya tinggal dlm isi.
tabuni	uri	tebuni	uri
tagar	karat	tagar	karat
talang	melemparkan	talang	lempar
talimbu	alat yg diperbuat drpd batang besi yg kedua-dua hujungnya nipis & lengkung serta satu drpd hujungnya berbelah digunakan utk mengumpul.	talimbu	alat yg diperbuat drpd batang besi yg kedua-dua hujungnya nipis & lengkung serta satu drpd hujungnya berbelah digunakan utk mengumpul.
taling	kesan atau akibat drpd sesuatu (pukulan, percakapan dll).	taling	kesan atau akibat drpd sesuatu(pukulan, percakapan dll).
taming	alat kebesaran diraja berupa perisai	taming	perisai

bersambung ...

... sambungan

talinting	bentangan tali yg hujungnya diikat pd turus yg digayuti dgn benda-benda yg dpt mengeluarkan bunyi apabila ditarik (biasanya dipasang di kawasan padi) utk menghalau musuh tanaman.	telinting	bentangan tali yg hujungnya diikat pd turus yg digayuti dgn benda-benda yg dpt mengeluarkan bunyi apabila ditarik (biasanya dipasang di kawasan padi) utk menghalau musuh tanaman khususnya burung pipit
tampik	belah (kayu, pinggan dll)	setampik	sebelah
tampung	menyampuk(percakapan)	tampung	menjawab
tangkir	menggandingkan sesuatu (bilah, kayu dll) dgn mengikatnya utk menegapkan sesuatu yg lembut atau yg patah.	tangkir	menggandingkan dua benda utk dijadikan satu agar gandingan benda itu lebih kuat dan tahan.
taranah	tidak bergerak(badan).	terenai	duduk diam
tarap	sejenis tumbuhan	tarap	sejenis buah
taripos	sejenis burung, serindit	teripos	sejenis burung, serindit
tibadak	sejenis tumbuhan, cempedak	tibadak	cempedak
tipa	bekas drpd logam utk menyimpan sirih pinang.	tipa?	bekas utk menyimpan tembakau
tumpis	tidak tahan menyimpan rahsia orang lain.	tumpis	tidak tahan menyimpan rahsia orang lain, banyak mulut/cepat menyampuk.
ulun	suruh-suruhan(orang)	ulun	hamba-suruhan orang

DMB = Dialek Melayu Brunei

BB = Bahasa Bajau

Sumber: Data disesuaikan daripada Collins (1996a)